

# Mahathir yakin UMNO dapat rampas semula Sabah pada masa depan

KANGAR 19 Okt. Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin UMNO akan dapat merampas kembali Sabah daripada kerajaan pembangkang pada masa akan datang ekoran pembukaan cawangan-cawangan UMNO di negeri itu.

Beliau percaya sebilangan besar rakyat Sabah akan memberi sokongan kepada UMNO dalam usaha merampas kembali negeri itu untuk menubuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) supaya sealian pemerintahan negeri itu dengan Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri menyatakan demikian kepada para pemberita selepas merasmikan pembukaan Kompleks Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) Kuala Perlis berharga \$12.2 juta di Kampung Behur Toi, 11 kilometer dari sini petang ini.

Menurut beliau, pengembangan UMNO di Sabah tidak bertujuan menyaingi parti-parti politik Melayu lain di negeri itu, tetapi UMNO sedia bekerjasama dengan parti-parti tersebut yang menentang Parti Bersatu Sabah (PBS).

Dato' Sri Dr. Mahathir sekali

lagi mengulangi rasa kesalnya terhadap PBS yang disifatkan sebagai pembelot apabila mengisytiharkan parti itu keluar dari BN setelah dia diberi begitu banyak kerusi Parlimen semasa penamaan calon.

Mengenai cadangan kumpulan cendekiawan Melayu supaya UMNO bersatu segera dengan Pas untuk menyatukan orang-orang Melayu di negara ini, beliau berkata, pihak UMNO tidak ada masalah, asalkan Pas segera mengumumkan keputusannya keluar dari gabungan Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) dan ikhlas berkawan dengan UMNO.

## Kesal

Katanya, beliau bimbang dalam keadaan pilihanraya yang sudah begitu hampir sekarang, jika Pas hanya secara luar sahaja menyatakan setuju berkawan dengan UMNO, kemungkinan boleh mengelirukan penyokong-penyokong UMNO sendiri untuk mengundi.

"Saya bimbang, kalau orang-

orang UMNO akan mengingatkan mereka tidak payah mengundi UMNO pun tidak mengapa kerana Melayu akan terselamat apabila Pas sudah sanggup berbaik dengan UMNO," kata Perdana Menteri.

Dengan sebab demikian, beliau menegaskan, jika sebenarnya Parti Pas ikhlas untuk berbaik dengan UMNO, mereka hendaklah mengisytiharkan keluar dari gabungan Angkatan sebelum hari pengundian 21 Oktober ini, supaya tidak mengelirukan orang-orang Melayu.

Katanya, jika selepas pilihanraya baru Pas hendak mengisytiharkan kerjasamanya dengan UMNO sudah tidak bererti lagi kerana ia sudah menjadi suatu hal yang lain pula.

Beliau kesal kerana Pas masih tidak mahu menerima sesuatu nasihat yang diberikan oleh UMNO hinggakan nak tunjuk bukti dari pita rakaman ucapan Tengku Razaleigh Hamzah mengatakan Tengku Razaleigh hendak membunuh Pas, jika Semangat 46 berkuasa, pun Pas tidak percaya.